

# Dr. M: Anwar telah jalani proses perundangan



DR. MAHATHIR

**K**UALA LUMPUR 2 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan keputusan Mahkamah Persekutuan hari ini membenarkan rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap sabitan dan hukuman bagi kesalahan liwat menunjukkan bahawa satu proses undang-undang telah dilakukan di negara ini.

Walaupun agak 'terkejut' dengan keputusan tersebut, bekas Perdana Menteri itu berkata, Anwar telah menjalani proses perundangan mahkamah yang akhirnya menyaksikan beliau dibebaskan.

Proses perundangan itu, kata Dr. Mahathir, sering dijelaskannya semasa menjadi Perdana Menteri kepada banyak pihak termasuk pihak asing yang meminta

beliau bersimpati dan melepaskan Anwar.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh berbuat demikian kerana ia keputusan mahkamah. Jika Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), mungkin jika saya diminta menyemaknya semula, saya boleh melakukannya," katanya.

## Penasihat

Dr. Mahathir yang kini Penasihat Petronas berkata demikian pada sidang akhbar di Menara Berkembar Petronas hari ini.

Beliau turut ditemani oleh isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan tiga orang anaknya, Datin Paduka Marina, Datuk Mukhriz dan Datuk Mokhzani.

Sidang akhbar itu diada-

kan khas untuk memenuhi permintaan wartawan bagi mendapatkan komen Dr. Mahathir mengenai pembebasan Anwar.

"Ini (sidang akhbar) bukan idea saya tetapi memenuhkan permintaan pihak akhbar yang jika saya layan secara individu akan ambil masa lama," katanya.

Bagaimanapun secara peribadi, kata Dr. Mahathir, beliau tetap konsisten dan yakin dengan keputusannya memecat Anwar dari Kabinet.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, pendapatnya itu sama sekali tidak bertujuan mencabar keputusan mahkamah.

Dr. Mahathir juga berpendapat keputusan mahkamah hari ini adalah keputusan majoriti yang ber-

asaskan undang-undang yang sememangnya amat dipegang oleh negara yang berdaulat seperti Malaysia.

"Ada dua hakim yang menyatakan Anwar tidak bersalah tetapi seorang lagi yakin beliau melakukannya. Ia keputusan berdasarkan majoriti," tambah Dr. Mahathir.

## Tuduhan

Ditanya sama ada keputusan itu akan membuatkan ramai orang melemparkan tuduhan kepadanya kerana 'menganiaya' Anwar, Dr. Mahathir menjawab bahawa tuduhan itu wujud semasa beliau masih menjadi Perdana Menteri lagi.

"Saya tidak menghiraukannya (tuduhan) dan tidak mahu memikirkannya.

Saya pun bukan lagi seorang pemimpin," katanya.

Dr. Mahathir juga turut diminta mengulas kenyataan Anwar selepas pembebasannya bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak akan mendendami beliau kerana sudah bersara.

Mahathir berkata: "Beliau (Anwar) memang amat baik hati."

Mengenai kenyataan bahawa perkembangan pada hari ini menunjukkan sekarang wujud kebebasan badan kehakiman, Dr. Mahathir berkata:

"Semasa di bawah pimpinannya juga wujud kebebasan badan kehakiman apabila parti politik yang dipimpinnya selaku Perdana Menteri diisytiharkan haram."

Mahkamah juga membuat keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan, katanya.

Ditanya mengenai pandangan beliau terhadap senario politik negara terutamanya UMNO, ekoran bekas Timbalan Presiden UMNO itu telah dibebaskan dari penjara, Dr. Mahathir berkata:

"Saya tidak lagi terlibat dalam politik, dan apa yang berlaku dari sekarang, tiada kena mengena lagi dengannya."